

PERANAN AKHBAR CINA DALAM ARTIKULASI ISU-ISU SEJARAH DAN PEMBENTUKAN NEGARA-BANGSA

LEE KUOK TIUNG
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MOHD SAFAR HASIM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Akhbar Cina dipercayai berkembang seiringan dengan perkembangan kehidupan masyarakat Cina di Malaysia. Analisis ini bertujuan melihat pengartikulasian isu-isu sejarah dalam akhbar Cina dan peranan membentuk negara-bangsa menerusi analisis maklumat kajian-kajian lalu terutamanya daripada arkib dan temubual dengan ketua editor. Hasil daripada analisis menunjukkan dari awal permulaan kemunculan dan perkembangan akhbar Cina berkait rapat dengan evolusi masyarakat Cina di Malaysia. Ini membantu memudahkan akhbar mengartikulasi peristiwa-peristiwa penting dalam pelaporan mereka dan memainkan peranan sebagai agen perubahan sesuai mengikut peredaran masa. Awal permulaan kemunculan akhbar Cina dilihat lebih cenderung menyampaikan khabar berita perkembangan peristiwa-peristiwa yang berlaku di China kepada golongan imigran sebelum bertukar kepada bermotifkan ekonomi khususnya mengiklankan produk jualan. Kebangkitan gerakan nasionalisme di China telah menyaksikan kemunculan mendadak akhbar-akhbar Cina di *Nanyang* untuk meraih sokongan daripada *huaqiao* bagi mengguling pemerintahan monarki untuk diganti dengan sistem demokrasi dan seterusnya menentang penjajahan Jepun ke atas China. Agenda perjuangan yang diadvokasi oleh akhbar-akhbar Cina nyata berbeza sejurus selepas Perang Dunia Ke-2 apabila mereka dilihat bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin politik

Melayu untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada British. Selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan pembentukan Persekutuan Malaysia 1963, fokus mereka beralih kepada survival sosio-ekonomi masyarakat Cina dan pelestarian kebudayaan masyarakat Cina khususnya pendidikan Bahasa Cina di Malaysia. Akhbar-akhbar arus perdana ini turut tidak terkecuali daripada agenda politik di mana mereka sering dikaitkan dengan parti pemerintah dan sentiasa mendukung dasar-dasar kerajaan yang merangkumi agenda perpaduan nasional dan pembentukan negara-bangsa. Begitupun, akhbar Cina juga lebih seimbang dalam memberi ruang kepada suara-suara daripada *huatuan* dan parti-parti politik yang berlainan ideologi yang memperjuangkan agenda yang berkepentingan kepada masyarakat Cina.

Kata kunci: *kewartawanan, akhbar Cina, artikulasi, isu-isu sejarah, & negara-bangsa.*

THE ROLE OF CHINESE NEWSPAPERS IN THE ARTICULATION OF HISTORICAL ISSUES AND THE FORMATION OF THE NATION-STATE

Abstract

Chinese newspapers are believed to grow in tandem with the development of the Chinese community life in Malaysia. The purpose of this study is to analyse the articulation of historical issues and the roles played by Chinese newspapers in nation-building. The data were collected through the analysis of previous information, especially from the archive and interviews with Chinese newspapers' chief editors. The findings from the analysis indicated that Chinese newspapers have a direct connection to the evolution of the Chinese community in Malaysia from the early stage of the emergence and development of the Chinese newspapers in Malaysia. This aids the newspapers to articulate the important events in their news reporting, and play significant roles as the agent of change in accordance with time. In the beginning of the emergence of the Chinese newspapers in Malaysia, they were seen as an instrument to help immigrants from China to be updated with developments in their homeland, and then slowly moving towards economic avenues especially to advertise new products. The rise of nationalism movement in China also witnessed a rapid

emergence of Chinese newspapers in *Nanyang* to gain support from *huaqiao* to overthrow the monarchy emperor of China in favour of a democratic system, followed by a movement to fight the Japanese occupation in China. Agendas advocated by the Chinese newspapers changed shortly after the Second World War II, where they had been seen working closely with Malay politicians to fight for the Malaya independence from the British. After the independence of Federation of Malaya in 1957 and the formation of Federation of Malaysia in 1963, they shifted their focus to the socio-economic survival of the Chinese community and preservation of Chinese culture, especially Chinese education in Malaysia. These mainstream newspapers are difficult to be separated from politics where they are often associated with the ruling party and their support to the government policies which include national unity and nation-building. Nevertheless, Chinese newspapers are always seen as more balanced in giving space to the *huatuan* and political parties with different ideologies as long as their agendas are related to Chinese community's interests.

Keywords: *Journalism, Chinese newspapers, articulation, history issues, & nation-state.*

PENGENALAN

Sejarah pada umumnya penting untuk membantu menyelesaikan masalah dan cabaran yang wujud. Hampir setiap mediaskap yang berbeza dalam konteks negara yang berbeza mendedahkan cerita kompleks yang boleh dijadikan teladan dan pengajaran kepada negara lain. Sebagai misalannya perbandingan dasar dan sistem akhbar di Malaysia sebagaimana yang dibincangkan oleh Mohd Safar Hasim (1996) dengan apa yang terdapat di Indonesia sepertimana yang dihuraikan oleh Erman Anom (2010) mahupun negara-negara lain semuanya menunjukkan terdapat perbezaan dan keunikan masing-masing. Ini terutamanya galuran perkembangan media dunia menunjukkan terdapat hubungan erat antara media dengan masyarakat. Di peringkat permulaan penyelidikan komunikasi, sarjana seperti Lerner (1966) juga telah menyentuh peranan media massa dalam merubah masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Schramm (1964) yang merupakan "Bapa Komunikasi" juga telah menghuraikan fungsi media massa sebagai pemerhati, penggalak perbincangan, mendidik dan menghibur untuk negara-negara membangun. Kefahaman yang serupa telah dikongsi oleh sarjana komunikasi moden seperti McQuail (2010) menerusi teori pembangunan media yang menjelaskan bahawa media perlu menerima dan melaksanakan pembangunan positif selaras dengan polisi-polisi yang diperkenalkan oleh

kerajaan. Hubungan yang wujud menyaksikan media dan masyarakat menjadi refleksi antara satu sama lain. Hubungan antara akhbar berbahasa Mandarin dengan masyarakat Cina di Malaysia juga tidak terkecuali apabila menelusuri perkembangan akhbar-akhbar Bahasa Mandarin di negara ini. Meskipun sarjana komunikasi seperti Tuchman (1978) sering mengecam penulis yang menulis tentang kemasyarakatan dan kemanusiaan berdasarkan keratan akhbar lama kerana realiti yang dipersembahkan dalam media tidak mencerminkan realiti dunia sebenar, hasil karya kewartawanan yang boleh diperolehi menerusi akhbar lama telah memainkan peranan penting untuk memulakan penulisan tentang sejarah mahupun suatu penyelidikan sosiologi dan antropologi.

Sejarah perkembangan akhbar berbahasa Mandarin di Malaysia membantu menjawab persoalan epistemologi dan ontologi masyarakat Cina (Tionghua) sekaligus membantu meningkatkan kefahaman tentang hal-ehwal kebudayaan kebangsaan. Akhbar membantu membangkitkan kuasa Cina dan mengemblemkan seluruh masyarakat Cina. Akhbar berbahasa Mandarin (*húa bō*) dikenalpasti sebagai salah satu daripada tiga tunggak masyarakat Cina (*the three pillars of Chinese*) selain persatuan-persatuan Cina (*húa tuō*), dan pendidikan (*jiào yù*) (Khor Yoke Lim & Ng Miew Luan, 2006). Ketiga-tiga komponen ini saling melengkapi antara satu sama lain untuk melentur kebudayaan masyarakat Cina Malaysia yang boleh dilihat pada hari ini. Kebudayaan masyarakat Cina yang amat mementingkan pendidikan sepertimana dalam pepatah masyarakat, “*miskin macam manapun tidak boleh miskin pendidikan, susah macam manapun tidak boleh biarkan anak-anak susah.*” (“再穷不能穷教育, 再苦不能苦孩子”) mempermudah simbiosis tersebut. Akhbar berbahasa Mandarin selalu memberi ruang kepada isu berkaitan kehidupan masyarakat Cina yang menyentuh rutin harian sehinggalah hal-hal berkaitan dasar dan polisi yang berkepentingan untuk masyarakat Cina.

Peredaran masa dan pembangunan telah merubah persekitaran dan pembentukan (*set up*) masyarakat Malaysia. Peranan akhbar-akhbar berbahasa Mandarin dalam masyarakat Cina di Malaysia berubah seiringan dengan zamannya (Lee Kuok Tiung, Mohd Safar Hasim, & Baszley Bee Basrah Bee, 2011). Kepentingan akhbar kepada kerajaan yang memerintah dan masyarakat telah diperakui sangat penting dari zaman penjajahan British lagi. Ini kerana akhbar pada umumnya dilihat sebagai “estet keempat” (“*fourth estate*”) seperti yang dicetuskan oleh Thomas Carlyle dan Edmund Burke (dalam persidangan parlimen pada tahun 1787) yang menjelaskan akhbar sebagai institusi berpengaruh yang mempunyai kuasa sosial dan politik yang konsisten dan diakui secara rasmi. Menyedari hakikat ini, kerajaan kolonial *Straits Settlements* yang berpusat di Singapura yang kemudiannya diikuti negeri-negeri Tanah Melayu telah memperkenalkan ordinan (undang-undang) yang diambil dari akta United Kingdom untuk mengawalselia industri persuratkhabaran (Mohd Safar Hasim, 2002).

Pada dasarnya, perbincangan dalam artikel ini adalah hasil daripada analisis

maklumat kajian-kajian lalu terutamanya penyelidikan arkib dan temubual dengan ketua editor dari akhbar Cina di Malaysia. Intipati utamanya menjurus kepada peranan kewartawanan dalam akhbar-akhbar Cina mengartikulasi peristiwa-peristiwa penting bersejarah ke dalam pelaporan mereka dan membantu merealisasikan usaha membentuk negara-bangsa. Huraian akan dibahagikan kepada beberapa sub-topik bermula dengan kemunculan dan perkembangan akhbar-akhbar Cina di Malaysia, artikulasi isu-isu sejarah dan pembentukan negara-bangsa mengikut tempoh waktu yang berbeza, di samping penekanan akhbar-akhbar Cina dalam soal pendidikan dan kebudayaan masyarakat Cina dan hubungan di antara politik dengan akhbar. Bahagian akhir akan membincangkan cabaran pembentukan negara-bangsa khususnya disebabkan ciri-ciri masyarakat pluralistik Malaysia.

KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN AKHBAR BERBAHASA MANDARIN DI MALAYSIA

Akhbar-akhbar Bahasa Mandarin terawal yang boleh dijejaki di Malaysia pada masa ini adalah *Kin Kwok Daily News* (1855 di Ipoh, Perak), *Penang Sin Poe* (檳城新報) (1895-1936 di Pulau Pinang oleh Lim Seng Hooi) *Kong See Boo Poe* (1897 oleh The Kuala Lumpur Press), *Chung Shing Jit Poh* (1907 oleh Chung Shing Jit Pao Ltd di Singapura) dan sebagainya. Di Malaysia pada hari ini akhbar-akhbar nasional Bahasa Mandarin yang tertua adalah akhbar *Sin Chew Daily* yang diperkenalkan pada 15 Januari 1929 (ketika itu dikenali sebagai *Sin Chew Jit Pao*), dan akhbar *Nanyang Siang Pau* yang disebut sebagai *Nányáng Shāng bào* dan terjemahannya dalam Bahasa Melayu “*Harian Niaga Nanyang*” diperkenalkan pada 6hb September 1923 oleh Tan Kah Kee. Akhbar *Overseas Chinese Daily News (OCDN)* yang juga merupakan akhbar pertama di Sabah yang diperkenalkan pada 1hb Mac 1936 dan *See Hua Daily News* masing-masing menjadi akhbar paling lama di Sabah dan Sarawak. Akhbar *China Press* (中國報 *Zhōng Guó Bào*) ditubuhkan oleh Henry Lee Hau Shik (H. S. Lee) pada 1 Feb 1946. Akhbar *Kwong Wah Jit Poh* kini merupakan akhbar wilayah (*regional*) berbahasa Mandarin yang tertua di Pulau Pinang ditubuhkan oleh seorang revolusioner China iaitu Dr. Sun Yat Sen di Pulau Pinang pada 20hb Disember 1910 dengan matlamat utamanya menyebarkan idea revolusi (*Ge Ming*) China kepada masyarakat Cina di luar republik atau *huaqiao* (*oversea Chinese*) khususnya di wilayah-wilayah Nanyang iaitu Asia Tenggara. Ini berbeza sama sekali dengan awal pengenalan akhbar Cina di mana ianya hanyalah berperanan memberitahu golongan imigran perkembangan semasa di China. Peranan seterusnya adalah bagi tujuan ekonomi seperti akhbar *Sing Pin Jit Pao* yang ditubuhkan oleh adik-beradik Aw pada 15 Jan 1939 untuk mengiklankan produk-produk *Tiger Balm*.

Setiap akhbar berbahasa Mandarin adalah berbeza dan punya keistimewaan tersendiri. Akhbar-akhbar Cina yang pernah wujud di tanah air ini termasuklah *Kong Hui Sing Pau*, *Sing Tao Jit Pao*, *Nanfang Evening Post*, *Sin Mah Jit Pao*,

Brilliant Lamp Daily News, *Hwa Lian Daily News*, *Ta Chung Daily News*, *Chung Hwa Evening Post*, dan sebagainya. Di arkib negeri Sabah juga menunjukkan terdapat salinan akhbar-akhbar berbahasa Mandarin yang diterbitkan sebelum ini seperti *The Sabah Times* (1963-1966), *Sin Pin Jit Poh* (星檳日報), *Kinabalu Sabah Times* (1967, 1969-1975), *Kinabalu Observer Evening Post* (1960-1961), *Borneo Times* (1960, 1967), *Borneo Post* (1961), *Kinabalu Daily News* (1962, 1963), *Tawau Jih Pao* (1962-1967, 1969-1971), *Asia Times* (1976, 1978-1985), *Sabah Shi Pao* (1981), dan *Today's News* (1988-1990). Sebahagian besar akhbar-akhbar tersebut telah tiada tetapi terdapat juga akhbar yang baharu muncul kemudian menggunakan nama yang sama. Begitupun, peranan akhbar Bahasa Mandarin pada asasnya adalah sama iaitu melaporkan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat Cina.

Nasib setiap akhbar berbeza-beza di mana tahun 1971-1974 menyaksikan kemerosotan pembaca *Kwong Wah Daily* dan masalah kewangan yang dihadapi menyebabkan Loh Boon Siew (骆文秀), Loo Leong San (卢良山) dan MD (周明道) menyertai akhbar berkenaan dengan suntikan modal yang besar untuk menyelamatkannya. Pada tahun 1974 akhbar *Kwong Wah Daily* digabungkan dengan *The Star* tetapi terpaksa dipisahkan semula disebabkan beban kewangannya yang terlalu tinggi dan operasi akhbar berbahasa Mandarin berlainan dengan akhbar berbahasa Inggeris. Ia berakhir dengan Boon Siew secara individual melabur sejumlah wang yang besar untuk menyelamatkan *Kwong Wah Daily*. Dasar baharu kerajaan berhubung pemilikan asing media di Malaysia telah memaksa keluarga Aw menjual *Sin Ping Daily* (*Sing Pin Jih Pao*) di Pulau Pinang dan *Sin Chew Daily* kepada Dato' Lim Kheng Kim pada tahun 1982. Akhbar *Sing Pin Jih Pao* (mengantung operasi pada 29 September 1986), *Shin Min Daily News* (ditutup pada 1994), dan *Tong Bao* yang pernah dianggap akhbar berprestij di Malaysia sebaris dengan *Sin Chew Daily*, *Nanyang Siang Pau*, *China Press*, *Kin Kwok Daily News*, dan *Kwong Wah Yit Poh* sudah tiada di pasaran pada masa kini. Tahun 1987 merupakan tahun paling malang bagi *Sin Chew Daily* yang bukan sahaja menghadapi kekangan kewangan yang kritikal sehinggakan tiada kertas untuk mencetak akhbar (ekoran krisis kewangan Asia 1986) tetapi *Operasi Lalang* (*Weeding Operation*) pada 28 Oktober 1987 telah menyebabkan lesen mereka serta *The Star* dan *Watan* digantung oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Kesungguhan usaha dan inisiatif daripada C. C. Liew telah berjaya meyakinkan Tan Sri Sir Tiong Hiew King mengambilalih *Sin Chew Daily* dan kemudiannya diterbitkan semula pada 8 April 1988. Titik-tolak daripada pengambilalihan itu juga telah merubah nasib akhbar berkenaan sehingga berjaya berkembang menjadi akhbar berbahasa Mandarin yang mempunyai sirkulasi edaran tertinggi di Malaysia hari ini. Akhbar *Guang Ming Daily* yang ditubuhkan pada Disember 1987 hasil bantuan daripada Tan Sri Dr. Lim Keng Yaik dilihat oleh sesetengah pihak sebagai usaha menghidupkan kembali akhbar *Sin Ping Daily* yang dimulakan oleh keluarga Aw, yang juga pengasas *Sin Chew*

Daily. Bagaimanapun, masalah yang dihadapi *Guang Ming Daily* akhirnya menyebabkan akhbar tersebut turut dijual kepada Tan Sri Sir Tiong Hiew King pada 1992.

Huaren Holdings, sayap pelaburan parti MCA telah mengambilalih Nanyang Press Holdings yang menerbitkan akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* pada 28 Mei 2001 apabila membeli saham Nanyang Press Holdings yang dimiliki Hong Leong Group, sekali gus menjadikan mereka pemegang terbesar dengan menguasai 72.35 peratus saham. Langkah pengambilalihan berkenaan telah menerima tentangan hebat daripada sebahagian ahli-ahli MCA. Menjelang Jun 2005 jumlah saham Huaren hanya memiliki 42 peratus Nanyang Press. Menariknya tentang pengambilalihan Nanyang Press Holdings oleh Huareen Holdings adalah *Sin Chew Daily* turut menjadi sasaran pelbagai tohmahan sehinggalah berlakunya boikot, bantahan dan mogok daripada penulis-penulis bebas dan sambilan (*freelance* dan *stringer*) yang selama ini menyumbang artikel dan rencana untuk akhbar terbabit. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila turut menimbulkan huru-hara dalam kalangan masyarakat Cina dengan tohmahan demi tohmahan serta campur tangan ahli-ahli politik yang memainkan isu kebebasan akhbar dan monopoli perniagaan media di Malaysia sebagai modal pertikaian mereka. Penguasaan Huaren Holdings ke atas Nanyang Press Holdings tidak lama apabila ia menjadi tanggungan liabiliti yang merugikan mereka dan proses pencarian pemilik baharu menyaksikan akhirnya ia turut dijual kepada Tan Sri Sir Tiong Hiew King. Perkembangan semasa pemilikan akhbar berbahasa Mandarin tersebut telah membawa kepada pelancaran akhbar *Oriental Daily News* pada 29 Sept 2002 oleh Kumpulan KTS yang dimiliki Datuk Lau Hui Kang. Sebahagian besar wartawan *Oriental Daily News* adalah bekas wartawan *Nanyang Siang Pau* yang mengelarkan diri mereka sebagai ‘*voice of righteousness*’.

Perkembangan industri persuratkhabaran negara ini menyaksikan pada hari ini sebahagian besar akhbar-akhbar berbahasa Mandarin di Malaysia dimiliki oleh dua kumpulan utama iaitu Media Chinese International Limited (MCIL) dan Kumpulan KTS. Pada Mac 2013, pemilik MCIL, Tan Sri Sir Tiong Hiew King telah memiliki tujuh buah akhbar dan lebih 30 buah majalah di seluruh Asia Tenggara, Hong Kong, China, Taiwan dan Amerika Utara. Beliau turut digelar sebagai “Rupert Murdoch Asia” oleh *Forbes* berpegang pada prinsip akhbar adalah milik masyarakat Cina di kawasan bandar dan luar bandar. Pengabungan Sin Chew Media Corporation, Hong Kong Ming Pao Enterprise Corporation, dan Nanyang Press Holding untuk membentuk MCIL pada 29 Jan 2007 juga telah menjadikan MCIL sebagai konglomerat media terbesar di luar China. Sokongan daripada beliau menyaksikan pada ketika ini Sin Chew Media Group menerbitkan *Cahaya Sin Chew* (學海), *Sinaran Sin Chew* (星星), *Bintang Sin Chew* (小星星) dan *Eye Asia* (亞洲眼). Pendek kata, mereka telah melangkaui batas peranan berkhidmat untuk masyarakat Cina sahaja. Akhbar *China Press*, *Guang Ming Daily* dan *Sin Chew Daily* mempunyai *Night Edition*. Ini diikuti

akhbar-akhbar lain seperti *OCDN* yang mempunyai *Oversea Chinese Daily News Sunday*, manakala *United Daily News* di Sarawak mempunyai edisi *United Daily News Sunday*. Akhbar *See Hua Daily* pula berjaya menjadi antara akhbar Bahasa Mandarin yang paling popular di Sabah dan Sarawak.

JADUAL 1: Akhbar-akhbar Bahasa Mandarin di Malaysia

Sirkulasi	Akhbar
Nasional	<i>Sin Chew Daily</i> (星洲日報), <i>China Press</i> (中國報), <i>Nanyang Siang Pau</i> (南洋商報), <i>Oriental Daily News</i> (東方日報),
Pulau Pinang	<i>Kwong Wah Yit Poh</i> (光華日報) & <i>Penang Sin Poe</i> (檳城新報), <i>Guang Ming Daily</i> (光明日報),
Sabah	<i>Oversea Chinese Daily News</i> (華僑日報), <i>Asia Times</i> (亞洲時報), <i>Merdeka Daily News/ Berita Harian Merdeka</i> , <i>Feng Huang Daily</i> (<i>Harian Tawau Express</i>) (鳳凰日報), <i>Morning Post</i> , <i>See Hua Daily News</i> (詩華日報) (Sabah), <i>Oversea Chinese Daily News Sunday</i>
Sarawak	<i>See Hua Daily News</i> (Sarawak), <i>United Daily News</i> (聯合報), <i>International Times</i> , <i>Sin Chew Daily News</i> (Sarawak), <i>United Daily News Sunday</i> , <i>International Times</i> .

(Sumber: Lee Kuok Tiung, 2013)

Pesaingan sengit dalam era mediaskap baharu di Malaysia telah mendorong rata-rata akhbar melakukan pembaharuan dalam penerbitan kandungan akhbar mereka. Malah kemunculan media baharu dan telefon pintar (*smartphone*) telah memberi saingan sengit khususnya disebabkan sambutan penggunaan daripada generasi muda dan golongan pertengahan. Sebilangan besar akhbar sepertimana menurut pandangan Mohamed Hashim bin Ahmad Makaruddin (2006) telah melakukan pembaharuan dan mencuba pelbagai strategi mengubah fizikal persembahan kandungan akhbar mereka. Begitupun, perubahan kosmetik tersebut sekadar berupaya menarik pembaca membelinya tetapi dari segi ideologinya, apa yang boleh dilihat di sini adalah penerapan nilai kewarganegaraan dan patriotisme dalam pelaporan akhbar berbahasa Mandarin memainkan peranan penting yang membawa kepada toleransi dan keharmonian negara yang boleh disaksikan pada hari ini. Dalam pada itu juga tidak dinafikan survival atau kelangsungan akhbar berbahasa Mandarin di Malaysia pada hari ini adalah hasil daripada jalinan hubungan erat antara mereka dengan masyarakat Cina. Permintaan pembaca menjadi keutamaan mereka termasuklah daripada agensi kerajaan, persatuan-persatuan Cina (*huatuan*), dan parti-parti politik sama ada daripada Barisan Nasional (BN) mahupun Pakatan Rakyat (PR). Akhbar berbahasa Mandarin mengiktiraf pembaca mereka sebagai aset paling berharga dan melihat diri mereka sebagai agen ataupun pengantara sahaja. Sebarang peristiwa yang berunsurkan minat insani (*human interest*) yang dikongsikan oleh pembaca juga akan disiarkan dalam akhbar mereka.

ARTIKULASI ISU SEJARAH DAN PEMBENTUKAN NEGARA-BANGSA

Tanah atau wilayah (*states*) Malaysia telah lama wujud tetapi generalisasi ke atas rentetan sejarah menunjukkan bangsa (*nation*) Malaysia hanya mulai diperkatakan pada tahun 1991 apabila Tun Dr. Mahathir ingin memperkenalkan Wawasan 2020. Penelusuran sejarah Malaysia menunjukkan banyak peristiwa-peristiwa penting yang telah menjadi asas-asas kepada identiti sosio-budaya bangsa dan Negara Malaysia pada hari ini. Bahasa rojak atau bahasa pasar hasil sinergi Bahasa Melayu dengan Bahasa Mandarin merupakan bukti jelas integrasi antara kaum telah berlaku dengan jayanya. Penghijrahan orang-orang Cina ke Malaysia pada zaman Kesultanan Melayu Melaka telah melahirkan Baba dan Nyonya di Malaysia. Penjajahan kuasa asing bermula dengan Portugal pada 1611 disusuli Belanda, British dan Jepun (1941-1945) menyaksikan sebahagian wilayah Negara Malaysia telah dijajah selama 446 tahun. Referendum merupakan antara peristiwa penting awal yang membawa kepada pembentukan Malaysia yang boleh dilihat pada hari ini di mana pungutan suara pada 27hb Julai 1955 di Tanah Melayu membuktikan kepada British orang-orang Cina, India dan lain-lain etnik boleh bersatu dan bersedia untuk membentuk negara sendiri. Kontrak sosial merangkumi persetujuan bersama di antara semua etnik mengenai hal kerakyatan, Raja-Raja Melayu, agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan hak istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera, serta *Jus Soli*, demokrasi berparlimen dan Raja Berpelembagaan semuanya merupakan antara perkara-perkara penting yang dipersetujui bersama oleh pemimpin-pemimpin negara di masa lalu yang membuka ruang kepada sebuah negara-bangsa yang masih dalam proses pembikinannya yang boleh dilihat pada hari ini. Menariknya sebahagian besar cerita-cerita peristiwa penting bermula dari zaman penjajahan British boleh dijejaki dalam laporan akhbar-akhbar yang ada pada masa tersebut dan telah dikaji serta ditulis semula dalam bentuk buku sejarah Malaysia. Apa yang ingin ditekankan di sini adalah erti penting peranan akhbar khususnya menerusi amalan kewartawanan itu sebagai pencatat sejarah dan pembuka cerita kepada peristiwa-peristiwa sejarah Malaysia.

AWAL PENGENALAN SEHINGGA PERANG DUNIA KE-2 (1895-1941)

Sebelum Perang Dunia Kedua, akhbar berbahasa Mandarin seperti *Jinan* dan *Kwong Wah* telah melancarkan kempen anti-Jepun pada tahun 1927 sehingga menyebabkan permit penerbitan mereka dibatalkan oleh kerajaan British (*strait government*) dan penerbitan mereka terpaksa dihentikan. Ketika Jepun menyerang China pada tahun 1937 (七七卢沟桥事变), akhbar *Kwang Wah Daily* telah memulakan kempen mengutip derma bagi menentang pendudukan Jepun tersebut. Ekoran meletusnya peperangan itu, akhbar *Sin Chew Daily* turut menerbitkan edisi khas petang pada tahun 1937. Sokongan yang ditunjukkan

oleh *huaqiao* ini kepada gerakan nasionalisme mengguling pemerintahan monarki maharaja China untuk diganti dengan sistem demokrasi dan seterusnya penentangan penjajahan Jepun ke atas China menyebabkan golongan imigran dari China ini menjadi sasaran kekejaman tentera Jepun sewaktu tentera Jepun mara memperluaskan penjajahan mereka ke negara-negara di Asia Tenggara. Sejarahwan seperti Ahmat Adam (2013) berpendapat gerakan nasionalisme Melayu yang baru berkembang turut diperalatkan oleh Jepun untuk kepentingan peperangan mereka terutamanya menerusi slogan “Asia untuk Asia” yang berjaya mempengaruhi sebahagian penduduk Tanah Melayu yang ingin menghalau penjajah British. Ramai Cina yang terpaksa melarikan diri masuk ke hutan untuk mengelakkan diri daripada kezaliman dan kekejaman kempetai dan apa yang berlaku juga telah menyumbang kepada pemupukan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat Cina. Begitupun, nasib yang menimpa masyarakat Cina itu juga boleh dilihat sebagai bibit-bibit atau benih kepada pembentukan sebuah bangsa tetapi bukannya lagi negara-bangsa Malaysia pada ketika itu sebaliknya bangsa Cina yang dikenali sebagai *huaqiao*. Asas perpaduan bangsa ini jugalah yang akhirnya diterjemahkan ke dalam bentuk aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi dan politik.

Sepanjang tempoh penaklukan Jepun ketika Perang Dunia Ke-2 di Tanah Melayu, tiada peranan jelas daripada akhbar Cina yang boleh dilihat kerana sebahagian besarnya telah menghentikan operasi mereka. Sebagai misalnya akhbar *Penang Sin Poe* menghentikan penerbitan mereka selepas edisi terakhirnya diterbitkan pada 30 September 1941 manakala *Sin Chew Daily* turut dihentikan pada 15 Februari 1942. Wartawan dan editor akhbar-akhbar berbahasa Mandarin menjadi sasaran kekejaman kempetai atau tentera Jepun yang menduduki Pulau Pinang pada tahun 1941 menyebabkan ramai yang terkorban. Di samping itu, banyak dokumen bernilai dan rekod sejarah turut musnah. Akhbar-akhbar berbahasa Mandarin tersebut juga ditutup sepanjang tempoh empat tahun pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Hanya *Kwong Wah Daily* di Pulau Pinang yang beroperasi semula apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1946.

KEMERDEKAAN TANAH MELAYU 1957 DAN PEMBENTUKAN MALAYSIA 1963 (1946-1963)

Masyarakat Cina di Malaysia telah lama terdedah dan terlibat dalam perjuangan nasionalisme khususnya melalui perjuangan nasionalisme yang diketuai oleh Sun Yat Sen untuk membebaskan negara China daripada pemerintahan monarki yang lemah. Selepas Perang Dunia Ke-2 tamat, sebilangan besar masyarakat Cina telah bersama-sama terlibat dalam usaha menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada British dengan MCA menjadi penggerak utama mereka. Begitupun tidak dinafikan terdapat juga sebahagian yang bercita-cita menubuhkan sebuah negara komunis terutamanya pengaruh kuat daripada negara jiran Indonesia dan China. Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditubuhkan pada April 1930 telah diharamkan pada 23hb Julai 1948. Walaupun PKM termasuk gerakan-gerakan

lain seperti Force 136 dan Gerila Kinabalu bekerjasama dengan British bersama-sama menentang Jepun, keganasan dan kekejaman yang bermotifkan membalas dendam yang dilakukan oleh Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu (MPAJA) yang juga dikenali sebagai Bintang Tiga selepas Jepun menyerah kalah tidak boleh diterima. Meskipun ia mendapat liputan meluas daripada akhbar, keterlibatan orang-orang Cina dalam gerakan PKM hanyalah segenap lapisan jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan yang ada pada ketika itu malahan suatu perubahan drastik yang boleh dilihat sejurus selepas tamat perang tersebut adalah perubahan gerakan-gerakan untuk membantu China kepada Tanah Melayu terutamanya dalam kalangan generasi baharu yang dilahirkan di sini.

Mengimbas kembali peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah masa lalu, akhbar berbahasa Mandarin sebenarnya telah memberi liputan meluas terhadap usaha menuntut kemerdekaan Tanah Melayu 1957 dan proses pembentukan Malaysia yang menjadi realiti pada 16 September 1963. Sukar untuk menafikan sebahagian besar akhbar-akhbar Cina ini telah bertindak sebagai pelobi untuk merealisasikan cita-cita tersebut dan tidak kurang juga akhbar Cina yang ditubuhkan khas untuk menentang usul pembentukan Malaysia. Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu tidak mungkin tercapai tanpa kerjasama daripada semua etnik malahan ia merupakan antara syarat utama yang diberikan oleh British sekiranya ingin merdeka. Kerjasama dan toleransi antara kaum iaitu Melayu, Cina dan India telah membawa kepada kejayaan termetrainya Perjanjian Kemerdekaan pada 8hb Februari 1956. Banyak keratan akhbar lama berbahasa Mandarin di arkib yang menulis tentang kerjasama MCA (Malaysian Chinese Association yang ditubuhkan pada 27 Februari 1949) dengan UMNO (United Malays National Organisation yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946) dan MIC (Malaysian Indian Congress yang ditubuhkan pada Ogos 1946) dalam mengorak langkah mengadakan rundingan kemerdekaan Tanah Melayu di London. Penubuhan Persekutuan Malaysia telah mempercepatkan proses kemerdekaan Singapura, Sabah, dan Sarawak.

KEPENTINGAN AKHBAR CINA DI MALAYSIA

Akhbar-akhbar berbahasa Mandarin sering kali dilihat lantang bersuara (bersifat lokal) dan bekerjasama rapat dengan komuniti Cina tempatan terutama persatuan-persatuan berteraskan suku-etnik Cina, pendidikan Cina dan perniagaan. Keperihatinan terhadap isu pendidikan bukanlah sesuatu yang baharu kerana catatan sejarah menunjukkan Presiden MCA, Tan Cheng Lock telah mengarahkan T. H. Tan untuk menyerahkan memorandum menentang dasar pendidikan penjajah kepada Setiausaha Negara Tanah Jajahan British, Oliver Lyttelton di London pada Mei 1954. Memorandum tersebut mewakili pendirian MCA dan persatuan-persatuan pendidikan Cina. Ye Lin-Sheng (2003) melihat perjuangan tersebut bukan soal memecah belahkan kesetiaan sebaliknya ia merupakan soal hak minoriti yakni pertarungan untuk mengekalkan budaya masyarakat Cina

daripada pupus. Akhbar berbahasa Mandarin tidak segan silu menegur kelemahan masyarakat Cina, apatah lagi salah laku pemimpin-pemimpin mereka. Dalam memainkan peranan mereka sebagai pemerhati (*watchdog*) terhadap kerajaan, ketelusan dan akauntabiliti merupakan dua agenda utama pelaporan akhbar berbahasa Mandarin. Sebahagian besar penulis sambilan rencana akhbar-akhbar berbahasa Mandarin pula terdiri daripada individu yang bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan sekali gus mempermudah akhbar-akhbar berbahasa Mandarin mengetahui suara kelompok itu berhubung isu-isu yang berkepentingan.

Isu-isu pendidikan yang diperjuangkan oleh akhbar-akhbar berbahasa Mandarin berbeza berdasarkan perkembangan politik dan sosio-ekonomi di Malaysia (pendidikanlah sebenarnya yang membangkitkan semangat nasionalisme). Di awal kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu menyaksikan agenda membasmi (*eradicating*) buta huruf merupakan salah satu agenda utama pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang didukung oleh akhbar-akhbar berbahasa Mandarin. Pada tahun 1980-an, isunya tertumpu kepada polisi pendidikan kerajaan Malaysia yang menyukarkan pelajar-pelajar Cina memasuki universiti tempatan. Slogan segelintir pemimpin UMNO sekitar 1970-an dan 1980-an iaitu “*one nation one language*” yang mendesak sistem persekolahan menggunakan bahasa tunggal membimbangkan kerana dikhuatiri akan menghapuskan sekolah vernakular Cina di Malaysia. Perkara utama yang dibantah mereka adalah ‘mengapa perlu dicampur-adukkan pembangunan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan pendidikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) [SRJK(C)] dan SRJK Tamil.’ Ini sama dengan isu pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang mana akhirnya dimansuhkan kerana dikhuatiri melemahkan usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Krisis pendidikan Cina ini mencapai klimaknya pada tahun 1987 apabila sejumlah guru yang tidak tahu berbahasa Mandarin dilantik ke sekolah-sekolah Cina sebagai guru besar menyebabkan bantahan daripada masyarakat Cina yang berakhir dengan *Operasi Lalang (Ops Lalang)* oleh kerajaan Malaysia. Ramai yang tidak memahami bahawa bahasa hanyalah suatu bentuk komunikasi dalam pembentukan negara-bangsa dan intipati sebenarnya adalah agenda untuk membina negara-bangsa tersebut.

Bagaimanapun, tidak kurang juga yang melihat akhbar berbahasa Mandarin bertanggungjawab mempromosikan Bahasa Mandarin sahaja. Tetapi, jika diteliti skop yang dimaksudkan, ia bukanlah sekadar bahasa itu sahaja tetapi harus dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu membimbing masyarakat Cina menguasai ilmu dan teknologi (*command of the latest technology*). Ini sepertimana menurut salah seorang editor kanan akhbar berbahasa Mandarin yang menyatakan “*tiada ragu akhbar berbahasa Mandarin perihatin terhadap pendidikan dan pembangunan masyarakat Cina berpandukan lunas undang-undang, ... (dan) tidak akan sama sekali mencabuli Perlembagaan Persekutuan*”.

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh akhbar-akhbar berbahasa Mandarin demi pendidikan masyarakat Cina dan memartabatkan kebudayaan masyarakat itu. Akhbar-akhbar berbahasa Mandarin seperti *Kwong Wah Daily* menjemput ketua-ketua komuniti sebagai ahli lembaga akhbar mereka. Menjelang Jun 2005 sahaja, *Nanyang Siang Pau* secara keseluruhannya telah berjaya mengumpul lebih daripada RM240 juta untuk membiayai pendidikan Cina di Malaysia. Akhbar *Sin Chew Daily* telah melancarkan “*Love Project*” mulai 2004 dan Projek “*We Care*” bermula 2005 untuk membantu pelajar-pelajar sekolah menengah tempatan dari keluarga kurang berkemampuan. Tabung Pendidikan *Sin Chew (Sin Chew Daily Education Fund)* yang dimulakan pada tahun 2003 telah berkembang dengan memperkenalkan Malaysian Alumni Scholarship pada 2010 (lain-lain termasuklah biasiswa *Malaysian Alumni City and Regional Scholarship* dan sebagainya). Model pendidikan Cina yang digunapakai sebenarnya bukan sahaja menarik minat masyarakat Cina tetapi turut menarik minat golongan Melayu seperti yang didedahkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) pada tahun 2002, bahawa terdapat kira-kira 60,000 orang pelajar Melayu belajar di sekolah aliran Cina (Mohd. Khuzairi Ismail, 24 Nov 2009. Mencontohi kelebihan sekolah Cina. *Utusan Malaysia*). Angka ini sudah pasti lebih besar jika berpandukan kepada statistik yang terkini.

Dalam wawancara bersama *Asia Weekly* pada 7 Jun 2011, pemilik konglomerat media Cina terbesar di luar China, Tan Sri Sir Tiong Hiew King menegaskan perniagaan media adalah industri budaya dan tidak boleh dijadikan jentera untuk mengumpul kekayaan (*Sin Chew Daily*, 2009. m/s. 249). Mungkin atas prinsip inilah, sebahagian besar keuntungan yang diperolehi akhbar terbabit telah disumbangkan kepada tabung pendidikan dan kebajikan yang kini dikenali di persada antarabangsa (Ini hasil daripada prinsip kemurahan hati diungkapkan melalui perbuatan belas kasihan dan kasih sayang). *Hua Zong (Floral Trail) Literature Awards* telah dilancarkan oleh *Sin Chiew Daily* pada tahun 1990 untuk mempromosikan kesusasteraan Cina di Malaysia. Ia telah menjadi batu loncatan kepada inisiatif *Sin Chew Daily* dalam memartabatkan kebudayaan masyarakat Cina. Anugerah tersebut telah mengangkat ramai sarjana-sarjana ke persada antarabangsa. Tan Sri Sir Tiong Hiew King dalam ucapan Floral Trail International Awards ke-6 pada 8 Disember 2001 telah berkata “*Sin Chew Daily has been actively involved in promoting culture because we hope that this will reignite the Chinese community’s love for their culture and their community. We hope to stay dynamic and relevant.*” (*Sin Chew Daily*, 2009. m/s. 140). Pendekatan kasih sayang tanpa sempadan turut ditonjolkan melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan kebajikan di seluruh pelusuk dunia khususnya China, Kemboja, Indonesia dan sebagainya yang dikenali sebagai projek komuniti silang-budaya. Inisiatif-inisiatif tersebut bertujuan membantu masyarakat dunia memahami kebudayaan masyarakat Cina dan amalan masyarakat lain.

Adakah akhbar berbahasa Mandarin telah menyatupadukan masyarakat

Cina dan mendukung agenda pembentukan negara-bangsa? Apa yang boleh dilihat sehingga kini adalah akhbar berbahasa Mandarin bukan sahaja berusaha merapatkan perbezaan etnik, tetapi juga menghapuskan diskriminasi jantina (feminisme), kelas sosial, tahap intelektual dan kesempurnaan insani. Akhbar *Sin Chew Daily* misalnya sentiasa mengadakan pelbagai acara setiap tahun merangkumi forum, bengkel, dan seminar berkaitan pendidikan, kesihatan, politik, ekonomi, budaya, kesusasteraan, kebajikan sosial, agama (contoh “*A Dialogue on the responses of Muslim & Chinese Civilisations to the Challenges of the Contemporary World*” sejak 4/8/1996 lagi) dan sebagainya. Malangnya, hubungan kaum telah dipolarisasikan (dan mencetuskan pergeseran kaum) kesan daripada penjajahan British dan kebrutalan kempetai Jepun terhadap masyarakat Cina di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Namun rata-rata masyarakat Cina berpegang kepada prinsip untuk tidak menjadikan penganiayaan dan diskriminasi ke atas mereka di masa lalu sebagai alasan untuk mendapatkan sebarang keistimewaan pada hari ini. Mereka juga seolah-olah panaroid bahawa kegagalan akan membawa kesusahan, kemiskinan dan kebuluran. Tiada konsep ‘balik kampung’ yang membolehkan mereka ‘berehat’ dan menunggu untuk memulakan sesuatu usaha baharu dan jarang sekali mereka beranggapan ada jaminan atau mereka boleh bergantung kepada bantuan daripada kerajaan. Kebanyakan mereka hanya mengancing gigi diri dan memberitahu diri kehidupan mesti diteruskan kerana percaya esok adalah hari yang lebih baik. Keadaan ini berpunca dari sikap berdikari dan didikan budaya dalam masyarakat Cina itu sendiri. Kesefahaman kolektif yang terdapat dalam masyarakat Cina juga telah memotivasikan pergerakan-pergerakan dalam masyarakat agar sepakat dalam isu-isu yang mempunyai kepentingan publik (*public interest*).

CABARAN PEMBENTUKAN NEGARA-BANGSA

Masyarakat Cina terdiri daripada suku-etnik yang berbeza dan ciri-ciri demografi yang berlainan. Perbezaan etnik dan kebudayaan sebenarnya bukan juga masalah sehinggalah dipolitikkan oleh pemimpin-pemimpin yang ‘mala fide’ (niat buruk) dan tidak bertanggungjawab untuk mengekalkan status quo mereka dalam parti politik mereka mahupun meraih undi menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan. Begitu juga halnya dengan sikap ekstremisme dan chauvinisme sesetengah pemimpin yang memperalatkan nama “kontrak sosial” untuk memupuk perasaan benci-membenci di kalangan kaum dan kelas dengan memainkan isu kewarganegaraan dan keistimewaan orang Melayu. Persepsi mereka Perlembagaan Persekutuan itu hanyalah ‘kontrak sosial’ tanpa menghiraukan kewujudan hal-hal lain seperti Perkara 5 (kebebasan diri), Perkara 8 (hak sama rata), Perkara 13 (hak terhadap harta), Perkara 10 (kebebasan bersuara), dan sebagainya yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Apa yang mendukacitakan adalah tahap fanatisisme golongan yang berfikiran sempit ini mencecah tahap langsung tidak boleh menyebut apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kerana bagi mereka ianya ‘langsung tidak

boleh disentuh.’

Melihat kembali sejarah penghijrahan orang-orang Cina ke Malaysia menunjukkan bukan semua imigran Cina terdiri daripada pedagang yang kaya kerana ramai yang terdiri daripada kelas pekerja dan miskin. Ini juga tidak bermakna mereka tiada homogeniti. Keadaan ini turut menjelaskan isu dan masalah mereka tidak semestinya sama. Ketakutan dan ketidakpastian pastinya ada dalam setiap individu di Malaysia mahupun dunia. Dari segi ideologi, mereka juga terbahagi kepada golongan yang sederhana dan ekstrem seperti etnik-etnik lain. Generasi baharu semestinya juga ada perbezaan dengan generasi yang lebih tua. Apa yang paling penting adalah dalam masyarakat multi-etnik dan multi-agama seperti Malaysia, jangan ada prejudis, diskriminasi mahupun dimarginalise daripada arus pembangunan negara. Bagi C. C. Liew (Pengurus Besar, *Sin Chew Daily*) misalnya, peranan akhbar berbahasa Mandarin adalah “mempromosi” pembinaan negara-bangsa (*nation-building*) berasaskan prinsip-prinsip Rukun Negara. Pembentukan negara-bangsa adalah dengan menanam rasa kepemilikan bersama negara kita Malaysia dalam minda setiap masyarakat yang boleh membantu melahirkan kesedaran dan tanggungjawab untuk mengukuhkan perpaduan dan penyatuan rakyat.

Bagaimanapun, tugas yang dilihat mudah itu malangnya menjadi sangat sukar disebabkan beberapa peristiwa penting yang berlaku di negara ini. Ekoran daripada Peristiwa 13 Mei 1969 juga mendorong Kerajaan Darurat iaitu Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 15 Ogos 1970 telah meluluskan undang-undang melarang perbincangan secara terbuka tentang isu-isu sensitif yang menyentuh Sultan, keistimewaan Melayu, kewarganegaraan dan Bahasa Melayu bagi menangani masalah dalam perpaduan rakyat Malaysia. Media dilihat memainkan peranan penting berkaitan pengurusan hubungan etnik dalam konteks ini melalui pelaporan yang seimbang seperti bantuan diberikan kepada sesuatu kelompok adalah kerana faktor kemiskinan dan bukannya kerana faktor kaum dan etnik. Perkara utama yang cuba ditekankan di sini adalah taraf sosio-ekonomi yang seharusnya digunakan berbanding etnik. Dari segi pemilikan akhbar pula, Lim Hong Siang (2010) menyatakan pemilikan akhbar Bahasa Mandarin lebih ‘seimbang’ jika dibandingkan dengan akhbar-akhbar arus perdana yang lain berdasarkan hujah hubungan akhbar-akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris dengan parti-parti politik di Malaysia.

Titik-tolak permulaan perubahan landskap politik di Malaysia boleh dilihat berdasarkan peranan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (*Suqiu*) mengemukakan 17 perkara yang diluluskan majoriti persatuan-persatuan Cina (2,095 daripada 4000 persatuan) pada Ogos 1999. Usul tersebut pada pada asalnya tidak dilihat sebagai kontroversi dan kabinet BN dilihat bersedia mengadakan rundingan dengan pihak *Suqiu* (dengan Tan Sri Ling Liong Sik, Presiden MCA pada ketika itu diamanahkan untuk mengetuai rundingan). Bagaimanapun, pada tahun 2000, usul berkenaan bertukar menjadi *Suqiu* yang dituduh melanggar ‘kontrak sosial’ dan kononnya mencabuli hak dan

keistimewaan orang-orang Melayu dengan memperjuangkan meritokrasi dan hak sama rata. Isu lain termasuklah yang dibawa oleh *Jiao Zong* (Persatuan Gabungan Guru Sekolah Cina) dan *Dong Zong* (Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina), serta tuntutan Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (*Hindraf*) dan pergerakan Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (*Bersih*) dan Himpunan Hijau dari perspektif masyarakat Malaysia. Pengurus besar *Sin Chew-i*, H. C. Ooi melihat semua isu adalah isu sensitif. Paling penting, akhbar harus ada kepelbagaian dalam pelaporan mereka, tidak mensensasikan sesuatu isu atau peristiwa dan bukan hanya fokus kepada isu-isu sensasi seperti keganasan, seks, jenayah, perjudian dan dadah. Tumpuan kepada suara komuniti terhadap sesuatu isu oleh akhbar berbahasa Mandarin adakalanya telah menyebabkan mereka dicop sebagai kritikal terhadap etnik lain mahupun sebagai *anti-establishment* dan melawan kerajaan walaupun pada masa yang sama, akhbar berbahasa lain turut menggunakan modus operandi yang sama.

Akhbar berbahasa Mandarin sebenarnya telah memainkan peranan penting sebagai pemerhati di samping menanam sistem '*check and balance*', budaya yang menggalakkan kritikan diri dan penilaian semula tindak-tanduk masyarakat. Pembongkaran kepada salah laku pihak-pihak terlibat dalam skandal PKFZ (Port Klang Free Zone/ Zon Bebas Pelabuhan Klang), kes VK Linggam dan sebagainya misalnya telah mendapat perhatian umum. Pembongkaran melalui siri laporan dalam akhbar-akhbar berbahasa Mandarin *Sin Chew Daily*, *Nanyang Siang Pau*, *China Press*, *Guang Ming*, *Kwong Wah Yit Poh*, dan *Oriental Daily* telah mendorong Lim Kit Siang (DAP) membuat laporan polis yang menjadi titik permulaan permulaan skandal PKFZ. Akhbar berbahasa Mandarin sebagaimana akhbar-akhbar bahasa lain hanyalah 'pengantara' atau platform kepada wacana publik. Begitupun, akhbar juga sering menjadi 'kambing hitam' yang dipersalahkan sebagai pencetus kontroversi. Media sosial yang langsung tidak dikawal mengeruhkan lagi suasana apabila dicampur-aduk dengan pelbagai suara emosi dan cerita rekaan serta disebar secara meluas. Justeru itu, polemik dalam agenda pembentukan negara-bangsa ini adalah konflik individu yang gagal diuruskan dengan baik sehingga ia seolah-olah perseteruan antara kaum. Keenggangan petualang-petualang politik melakukan introspeksi untuk menginsafi kesusilaan diri dan memperbaiki kelemahan diri merupakan permasalahan utama sebenarnya. Begitu juga halnya dengan segelintir ahli politik yang beranggapan diri mereka mewakili seluruh komuniti Cina dan memberitahu akhbar berbahasa Mandarin tentang perkara yang harus mereka lakukan. Apabila mereka mendapati tuntutan mahupun arahan itu gagal dipatuhi, ia selalunya menjurus kepada serangan verbal terhadap wartawan dan akhbar.

Persaingan sesama akhbar berbahasa Mandarin dan akhbar-akhbar bahasa lain adalah perkara normal. Malahan ia sudah menjadi tradisi seperti merebut bahagian daripada kek (pasaran) yang sama. Adakalanya terdapat juga akhbar yang menggunakan pernyataan dan karikatur bersifat munafik dan sarkasme untuk menyerang akhbar lain seperti menuduh akhbar berbahasa Mandarin

lain menindas. Bagaimanapun, kemunculan media sosial menyaksikan akhbar-akhbar berbahasa Mandarin di Malaysia menjadikan persaingan semakin sengit. Sebarang pelaporan yang komuniti alam maya (*netizens*) rasakan tidak adil akan mengundang serangan bertali arus daripada mereka. Sebagai contoh, rasa tidak puas segelintir khalayak terhadap pelaporan berita *Sin Chew Daily* berkenaan debat antara Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dengan Presiden MCA, Chua Soi Lek pada 18 Februari 2012 (bertajuk “*Chinese at a Crossroads – Is a Two-Party System becoming a Two-Race System*”). Media dalam masa sama tidak boleh mengambil pendekatan tidak mengendahkan sepenuhnya komen-komen yang dilontarkan dalam media sosial. Kemunculan kewartawanan awam (*citizen journalism*) dalam masa sama mewujudkan persaingan maklumat. Implikasi paling besar adalah akhbar harus mencari nilai tambah kepada pemberitaan mereka untuk memastikan mereka terus relevan dan diakses oleh masyarakat. Perubahan mediaskap yang berlaku juga bermakna sebarang usaha daripada media untuk mengadvokasi sesuatu agenda yang berkepentingan publik menjadi makin sukar kerana pentas permainan sudah berubah wajah. Biarpun rata-rata akhbar tradisional ini rata-rata sudah memperkenalkan versi online mereka, kebanjiran saluran-saluran media yang begitu banyak dalam internet dalam konteks mediaskap masa kini juga bermakna tidak semestinya maklumat yang disampaikan diakses oleh khalayak sasaran mereka.

Globalisasi dan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah menyumbang kesan langsung terhadap bentuk mediaskap baharu di Malaysia. Kecanggihan telefon pintar dan perkhidmatan Internet mahupun *Wifi* secara percuma membantu orang ramai lebih mudah mengakses maklumat daripada media berita online seperti *nanyang.com*, *orientaldaily.com.my*, *Sin Chew Daily*, *Sinchew-i*, dan *MySinchew.com*. Portal berita *Sinchew-i* merupakan portal berita online yang diperkenalkan pada April 2000 sebagai langkah memperkukuhkan lagi asas mereka dalam mediaskap di Malaysia. Ia menawarkan kompilasi dengan berita-berita dalam Bahasa Inggeris dan juga terdapat berita audio visual. Mediaskap yang baharu ini sekaligus mengubah wajah media akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia melalui proses yang disebut sebagai perubahan kosmetik (*cosmetic changes*) kepada struktur yang baharu (contoh bertukar dari hitam putih kepada pencetakan berwarna). Bagaimanapun, *Mysin Chew.com* (<http://www.mysin Chew.com/>) menawarkan kelainan dengan menyediakan edisi khas yang menyiarkan rencana pengarang terpilih *Sin Chew Daily* dalam Bahasa Inggeris. Portal berita online Bahasa Mandarin, *MerdekaReview* yang mula beroperasi pada 31 Ogos 2005 telah melancarkan edisi Bahasa Melayu mereka pada 1 Ogos 2009 sebagai saluran alternatif untuk khalayak yang tidak fasih berbahasa Mandarin (malangnya portal berita tersebut kini telah ditutup sepenuhnya pada 31 Ogos 2012 berikutan masalah kewangan). Inisiatif itu bertujuan mensasarkan generasi baharu yang kurang penguasaan Bahasa Mandarin di samping memberi ruang kepada mereka yang tidak tahu Bahasa Mandarin mengetahui intipati ataupun isi kandungan laporan dalam

akhbar berbahasa Mandarin.

PERBINCANGAN

Dilema masyarakat Cina bukannya universal dan tidak boleh digeneralisasikan sebaliknya haruslah dibincangkan berdasarkan kepada kumpulan-kumpulan yang berbeza. Realiti sebegini yang mendorong kemunculan akhbar-akhbar berbahasa Mandarin yang berbeza untuk tujuan memenuhi keperluan, aspirasi dan citarasa kelompok-kelompok masyarakat Cina yang berbeza di Malaysia. Motif kemunculan dan perkembangan akhbar-akhbar berbahasa Mandarin yang boleh dijejaki sejak mula hingga kini adalah pelbagai merangkumi faktor sosio-ekonomi dan politik. Dari aspek pemilikan, sebarang usaha oleh parti politik mahupun sekutu mereka untuk menguasai akhbar Cina kelihatan semuanya berakhir dengan kepincangan dan terpaksa dilepaskan. Rentetan daripada pengambilalihan akhbar-akhbar Cina yang menyebabkan penyatuan dan penumpuan pemilikan telah timbul kebimbangan akan berlakunya monopoli dalam pemilikan akhbar berbahasa Mandarin di Malaysia. Persoalan monopoli yang pernah dilemparkan kepada MCIL juga menarik untuk dikupas misalnya menerusi persoalan yang dilontarkan balik oleh penulis seperti Lim Boon Lik “*where were those people who stood to oppose press monopoly?*” (*Sin Chew Daily*, 2009. m/s. 172) di mana beliau mempersoalkan mengapa tiada sesiapa dari kalangan mereka yang bising dengan memainkan isu monopoli media tampil menghulurkan bantuan ketika akhbar *Guang Ming Daily* bergelut untuk terus hidup? Pihak yang khuatir dan membantah boleh mengatasi kebimbangan mereka tentang berlakunya monopoli media dengan menghulurkan bantuan kepada akhbar-akhbar berbahasa Mandarin tersebut daripada gulung tikar (*Did they stand up for the dailies?*). Mengapa individu yang tampil menyelamatkan akhbar berbahasa Mandarin pula yang dikecam? Ini sebenarnya mendedahkan wujudnya agenda tersembunyi di sebalik propaganda yang dilakukan oleh pihak-pihak yang melontarkan pelbagai tomanan. Semua pihak harus jelas bahawa industri persuratkhabaran merupakan perniagaan yang memakan kos yang amat tinggi dan juga berisiko tinggi tidak kira sama ada dalam bentuk bercetak portal berita online. Sebagai misalnya, portal berita online Bahasa Mandarin *MerdekaReview* yang terpaksa menamatkan operasinya pada 31 Ogos 2012 apabila menghadapi kekangan kewangan. Kempen “Selamatkan *MerdekaReview*” mereka menemui jalan buntu. Apakah ini juga bermakna pasaran global hasil daripada proses globalisasi dan Internet yang bermula pada tahun 1990-an itu bukannya jaminan sesebuah akhbar akan mendapat tempat dalam masyarakat? Namun, yang pasti adalah media di Malaysia kini terpaksa berkongsi pembaca mereka dengan saluran-saluran media antarabangsa.

Sejarah selalunya ditulis oleh pemenang dan juga berkisar tentang pemenang. Meskipun sering timbul persoalan mengenai “sejarah siapa? dan untuk siapa?,” “pemenang menulis sejarah” (“*winners write history*”) sedikit-sebanyak menjawab kepada persoalan mengapa lebih banyak penulisan berkenaan *Sin*

Chew Daily yang boleh dijumpai berbanding cerita bagi akhbar-akhbar lain. Pertukaran hak milik *Sin Chew Daily* telah menjurus kepada anjakan paradigm (yang drastik mengambil tempat) terutamanya apabila ada taikun seperti Tan Sri Sir Tiong Hiew King yang menyokong operasi akhbar sekaligus meningkatkan keyakinan diri mereka dan kelegaan daripada tekanan ekonomi dan politik. Langkah akhbar berbahasa Mandarin seperti *Kwong Wah Daily* yang menjemput ketua-ketua komuniti Cina menyertai syarikat akhbar mereka sebagai ahli lembaga berjaya membantu memastikan akhbar mereka sentiasa relevan dengan keperluan dan kehendak komuniti Cina. Pada masa yang sama, konglomerat media MCIL telah menetapkan halatuju baharu mereka dengan mensasarkan pada pasaran global. Strategi pengantarabangsaan mereka sebenarnya mengambilkira penurunan peratus etnik Cina di Malaysia yang menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan akhbar berbahasa Mandarin bakal berdepan risiko gulung tikar disebabkan tiada pembaca. Justeru, langkah yang dimulakan oleh akhbar berbahasa Mandarin di Malaysia untuk bersaing di persada antarabangsa bagi merebut keseluruhan penduduk dunia sebagai pembaca mereka harus dicontohi.

Perubahan mediaskap telah mendorong akhbar cetak memperkenalkan versi *online* sebagai persediaan untuk menghadapi perubahan pola penggunaan media masyarakat. Tekanan daripada media baharu khususnya media sosial telah mendorong akhbar-akhbar berbahasa Mandarin melakukan transformasi. Rata-rata akhbar berbahasa Mandarin dewasa ini bersifat hibrid iaitu dalam versi bercetak dan elektronik. Versi *online* pada asalnya hanyalah dilihat oleh akhbar arus perdana sebagai *complimentary* (pelengkap dan percuma penghargaan kepada pembaca setia) kepada versi cetak ekoran tekanan perkembangan mendadak penggunaan ICT di Malaysia telah mula mengambilalih peranan sebagai penyampai wadah utama akhbar berbahasa Mandarin. Keistimewaan versi *online* adalah ia boleh dipautkan dengan video berita. Hanya persoalan masa sahaja yang timbul untuk menyaksikan versi *online* mengambil alih sepenuhnya peranan berkenaan. Malah, terdapat juga ramalan bahawa akhbar berbahasa Mandarin akan semakin maju seiring kebangkitan China dan populariti penggunaan Bahasa Mandarin. Semua pemilik-pemilik akhbar arus perdana harus mempertimbangkan langkah untuk *upload* arkib-arkib berita mereka kepada publik terutamanya bagi mengimbangi maklumat yang palsu dan tidak sahih dalam internet. Ini kerana pada masa ini sesiapa sahaja yang ingin mengakses kepada maklumat dalam Internet lebih cenderung mengakses kepada maklumat-maklumat daripada blog khususnya berkaitan dengan politik. Trend baharu yang muncul di merata dunia adalah rakyat mahu terlibat sama dalam membincangkan soal hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan publik. Soal hak dan persamaan yang dipelapori di negara-negara Barat semestinya tidak boleh diterima secara bulat-bulat terutama mengambilkira agenda yang diperjuangkan dalam usaha pembentukan negara-bangsa.

KESIMPULAN

Akhbar Cina berkembang seiring dengan perkembangan masyarakat pluralistik di Malaysia. Inisiatif akhbar Bahasa Mandarin memperkenalkan versi berita Bahasa Inggeris sesuai dengan ciri-ciri demografi generasi baharu di Malaysia merupakan suatu langkah yang wajar dicontohi oleh semua akhbar-akhbar lain. Penelusuran sejarah perkembangan akhbar Cina ini dari awal pengenalannya sewaktu zaman penjajahan British mendedahkan wujudnya hubungan yang rapat di antara media dengan masyarakat dan peranan-peranan penting akhbar ini boleh dilihat berubah mengikut peredaran masa yang merangkumi sekadar memberitahu (menyampaikan warkah berita), motif perniagaan, perjuangan nasionalisme, menanam semangat kekitaan, dan sehinggalah pembentukan negara-bangsa. Akhbar Cina di Malaysia sepertimana masyarakat Cina di Malaysia terpaksa mengharungi pelbagai liku-liku perjalanan untuk bertahan sehingga ke hari ini. Memang benar terdapat isu-isu kontroversi yang telah dilaporkan oleh akhbar-akhbar berbahasa Mandarin sebagaimana akhbar-akhbar bahasa lain. Begitupun, akhbar-akhbar berbahasa Mandarin ini tetap meletakkan kepentingan publik sebagai pertimbangan utama pelaporan mereka kerana jika tidak, nescaya pelbagai insiden yang mengganggu-gugat keamanan dan ketenteraman negara seperti rusuhan kaum telah berlaku. Apa yang rakyat Malaysia mahukan adalah akhbar yang bebas dan benar terhadap rakyat. Penyebaran maklumat yang mengelirukan rakyat harus ditapis kerana kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat. Penting juga diingatkan di sini bahawasanya salah tafsir terhadap pengajaran dari masa lalu bermakna kita di ambang mengulangi kesilapan yang sama. Akhbar sebenarnya hanyalah saluran ataupun platform kepada wacana publik, pengisian dalam kandungannya yang membezakan mereka. Sejarah telah membuktikan kekuatan sesebuah negara adalah bersandarkan kepada perpaduan kaumnya. Intipati dalam wacana tersebut yang menjadi penentu kejayaan dalam proses pembentukan negara-bangsa.

BIODATA PENULIS

Lee Kuok Tiung merupakan Pensyarah Kanan di Program Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2011 dan juga merupakan Alumni UMS (graduan tahun 2000). *email: leekuoktiung@hotmail.com; & lee@ums.edu.my*

Mohd Safar Hasim merupakan Felo Utama di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB). Beliau lebih dikenali dari waktu dia berkhidmat sebagai Professor di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Felo Utama di Institut Islam Hadhari (HADHARI). Email: *msafar@ukm.my; & drmsafar@gmail.com*

RUJUKAN

- Ahmat Adam. (2013). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*.
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. m/s. 144.
- Bogdandy, A. & Wolfrum, R. (ed.). (2005). *State-building, nation-building,*

and constitutional politics in post-conflict situations: Conceptual clarifications and an appraisal of different approaches. *Max Planck Yearbook of United Nations Law* 9: 579-613 diambil dari http://www.mpil.de/files/pdf2/mpunyb_bogdandyua_9_579_613.pdf pada 28 Oktober 2013.

- Erman Anom. (2010). Dasar dan sistem media di Indonesia 1966-1998. *Jurnal Komunikasi – Malaysian Journal of Communication* 26(1): 17-36.
- Joceline Tan. 24 November (2013) (Sunday). *The Star*. Is Taib going to call it quits?. Diambil dari <http://www.thestar.com.my/Opinion/Columnists/Analysis/Profile/Articles/2013/11/24/new-Is-Taib-going--to-call-it-quits.aspx> pada 26 November 2013.
- Khor Yoke Lim & Ng Miew Luan. (2006). Chinese newspapers, ethnic identity and the state: the case of Malaysia. Dlm Wanning, S. (Ed.). 2006. *Media and the Chinese Diaspora: Community, Communications and Commerce*. London: Routledge.
- Lerner, D. (1966). *The passing of traditional society: Modernizing the Middle East*. New York: The Free Press.
- Lee Kuok Tiung, Mohd Safar Hasim, & Baszley Bee Basrah Bee. (2011). Perkembangan persuratkhabaran bahasa Mandarin di Malaysia dan peranannya dalam masyarakat Cina. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2): 111-133.
- Lim Hong Siang. 6 Julai (2010). Sin Chew bakal tunjuk belang?. *Analisa. Merdeka Review*. Diambil dari http://www.merdeka.com/bm/news_v2.php?n=10919 pada 20 November 2013.
- Lim Hong Siang. 20 Feb (2012). Sin Chew dilanda ‘tsunami hebat’. *Analisa. Merdeka Review*. Diambil dari http://www.merdeka.com/bm/news_v2.php?n=12743 pada 20 November 2013.
- McQuail, D. (2010). *Mass communication theory* (4th Ed.). London: SAGE Publication.
- Mohamed Hashim bin Ahmad Makaruddin. (2006). The future of the newspaper industry in Malaysia in the era of global media and global culture. *Jurnal Komunikasi – Malaysian Journal of Communication* 22: 155-161.
- Mohd Safar Hasim. (1996). Akhbar dan kuasa: Perkembangan sistem akhbar di Malaysia sejak 1806. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Safar Hasim. (2001). Kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara: Satu tinjauan dari sudut Perlembagaan Undang-undang Malaysia. *Jurnal Komunikasi – Malaysian Journal of Communication* 17: 57-65.
- Mohd Safar Hasim. (2002). *Mengenali undang-undang media dan siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Safar Hasim. (2003). Circulation of Malaysian newspapers: A decade of mixed fortune. *Jurnal Komunikasi – Malaysian Journal of Communication* 19: 79-98.

- Schramm, W. (1964). *Mass Media and National Development: The Role of Information in the Developing Countries*. California: Stanford University Press.
- Samsudin A. Rahim. (2010). Media, demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Jurnal Komunikasi* 26(2): 1-15.
- Sin Chew Daily. (2009). *Walking Tall – 80 Years Sin Chew Daily - Journalism on Malaysian soil*. Petaling Jaya: Sin Chew Daily.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2011). *Historical fact and fiction*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM Press.
- The Sabah state archives. (1994). *The Newspaper: The Public Mind Opener – An Introduction to Newspapers at the Sabah State Archives*. Kota Kinabalu: The Sabah State Archives.
- Ye Lin-Sheng. (2003). *The Chinese dilemma*. Australia: East West Publishing.

